

Headline **Malaysia sedia hadapi H1N1**
Date **04 Dec 2009**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **4**
Article Size **43 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **586**
PRValue **1,759**



Malaysia sedia hadapi H1N1

GEORGETOWN: Malaysia bersedia menghadapi gelombang kedua virus Influenza A (H1N1) berikutan peningkatan kes 95 peratus pada peringkat global.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata ketika ini belum ada tanda berlaku gelombang kedua serangan virus itu, bagaimanapun kementerian mengarahkan semua pihak berkaitan memantau dan membendungnya yang kini melanda negara Hemisfera Selatan serta Amerika Syarikat.

"Tiada laporan peningkatan kes H1N1 dilaporkan, malah langkah berjaga-jaga sudah diperkemas dan pemantauan pusat kawalan masih berterusan," katanya selepas merasmikan Persidangan HIV/Aids Kebangsaan sempena Hari Aids Sedunia 2009 di sini, semalam.